

FUNGSI PEPARU BAGI KANAK - KANAK LELAKI TADIKA
DI TIGA LOKASI YANG BERBEZA DI
KUALA TERENGGANU

HERMAYUNI BINTI ZULKIFLI

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
2003

dn 1573


1100024983

LP 10 FST 2 2003




1100024983

Fungsi peparu bagi kanak-kanak lelaki tadika di tiga lokasi yang berbeza di Kuala Terengganu / Hermayuni Zulkifli.



1100024983
PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM) dn 1573

Pengerang HERMAYUNI ZULKIFLI		No Panggilan 1573	
Judul Fungsi peparu bagi kanak-kanak			
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tandatangan



3/3/10

LP
10
FST
2
2003

Fungsi peparu bagi kanak-kanak lelaki tadika di tiga lokasi yang berbeza di
Kuala Terengganu

Oleh:

Hermayuni binti Zulkifli

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai Memenuhi keperluan untuk
mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains (Biologi)

Jabatan Sains Biologi
Fakulti Sains dan Teknologi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi
Malaysia, KUSTEM
2003

1100024983

Laporan ini hendaklah di rujuk sebagai:

Hermayuni, Z. 2003. Fungsi peparu Kanak-Kanak Lelaki Tadika di Tiga Lokasi yang Berbeza di Kuala Terengganu. Laporan Projek Tahun Akhir, Sarjana Muda Sains (Sains Biologi), Fakulti Sains dan Teknologi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). 30 pp


Tidak dibenarkan mengulang keluar mana-mana bahagian atau kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis atau Penyelia Utama penulis tersebut.

KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

**PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN
PENYELIDIKAN ILMIAH TAHUN AKHIR**

Adalah ini diakui dan disahkan bahawa laporan penyelidikan ilmiah tahun akhir bertajuk **fungsi peparu bagi kanak-kanak lelaki tadika di tiga lokasi yang berbeza di Kuala Terengganu**, oleh **Hermayuni binti Zulkifli**, no matrik **UK 4236** telah diperiksa dan semua pembedaan yang disarankan telah dilakukan. Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Sains Biologi sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan memperoleh ijazah **Sarjana Muda Sains-Sains Biologi**, Fakulti Sains dan Teknologi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.

Disahkan oleh:




Penyelia Utama

Nama:

Cop

Tarikh: 10/3/03

FARIDAH MOHD
Pensyarah
Jabatan Sains Biologi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
Mengabang Telipot
21030 Kuala Terengganu.




Penyelia kedua

Nama:

Cop

Tarikh: 10/3/03



Ketua Jabatan Sains Biologi

Cop

Tarikh: 10/3/03

PERPUSTAKAAN ANWAR NUHAIRAH

PROF. DR. CHAN ENG HENG
Head
Dept. of Biological Sciences
Faculty of Science & Technology
University College of Science & Technology Malaysia
(KUSTEM)
21030 Kuala Terengganu.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Faridah Mohamad selaku penyelia utama yang telah banyak memberi dorongan serta bimbingan kepada saya sepanjang projek ini dijalankan. Terima kasih juga buat penyelia kedua iaitu Cik Noraznawati Ismail yang telah memberi tunjuk ajar secara langsung atau tidak.

Saya juga ingin menunjukan setinggi-tinggi penghargaan kepada guru-guru serta pelajar tadika KEMAS di Seberang Takir, Manir dan Pulau Duyung atas sokongan dan kerjasama penuh yang diberikan sehingga saya dapat menjalankan projek ini dengan jayanya. Moga-moga hasil projek saya serba sedikit dapat menambah pengetahuan dan menjadi ilmu yang berguna pada masa yang akan datang.

Akhir sekali, tidak lupa juga diucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ayahanda Zulkifli bin Abdul Hamid dan Bonda Hastati bt.Hj Mashod serta adik-adikku yang telah banyak memberi sokongan, dan dorongan untuk meneruskan pengajian sehingga ke hari ini. Kepada teman-teman seperjuangan, penglibatan anda sama ada secara langsung atau tidak dan sokongan moral yang diberikan sememangnya begitu berharga dalam menjayakan projek ini.

ABSTRAK

Pendedahan kepada udara yang tercemar mempunyai hubungan rapat dengan nilai fungsi paru terutama golongan kanak-kanak. Kesan ke atas pendedahan ini mengakibatkan penurunan pada nilai fungsi paru dan peningkatan simptom masalah respiratori kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menentukan nilai fungsi paru kanak-kanak lelaki berusia 5-6 tahun di Kuala Terengganu iaitu di Pulau Duyung, Manir dan Seberang Takir. Lebih kurang 300 borang soal selidik yang diedarkan, hanya 105 data sahaja bagi kanak-kanak lelaki di ketiga-tiga kawasan yang boleh digunakan. Ujian spirometri dijalankan untuk memperolehi bacaan bagi VC, FVC, FEV₁ dan peratusan FEV₁. Berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi dari ujian spirometri menunjukkan terdapat perbezaan bererti bagi ciri demografik antara ketiga-tiga kawasan iaitu umur dan tinggi, ($p < 0.05$). Untuk nilai fungsi paru (VC, FVC dan FEV₁) pula tiada perbezaan bererti kecuali nilai peratusan FEV₁. Manakala, bagi ujian korelasi terdapat perkaitan antara tinggi dan berat kanak-kanak dengan nilai fungsi paru (VC, FVC dan FEV₁). Daripada kajian soal selidik yang dijalankan menunjukkan bahawa kanak-kanak lebih cenderung mengalami simptom-simptom masalah respiratori seperti kekerapan batuk, kahak, kesukaran bernafas dan kesakitan pada bahagian dada. Kajian ini seharusnya diteruskan kerana golongan kanak-kanak lebih sensitif dan cenderung mengalami simptom masalah respiratori apabila terdedah kepada perubahan persekitaran.

ABSTRACT

Exposure to polluted atmosphere has an impact on the value of lung function especially to children. Effects of this exposure will cause the value of lung function to decrease and increase a child's symptoms of respiratory problems. Therefore, this research is to determine the value of lung function of 5-6 year old boys in Kuala Terengganu, from Pulau Duyung, Manir and Seberang Takir. About 300 questionnaires were distributed, however only 105 respondents provided usable information. The spirometry test was conducted to gain the VC, FVC, FEV₁ and FEV₁ percentage readings. Based on the spirometry test, there was a significant difference between demographic characteristics, among the three locations which were age and height ($p < 0.05$). For lung function value (VC, FVC dan FEV₁), there was no significant difference except for FEV₁ percentage value. However, there was a correlation between the child's height and weight with the lung function value (VC, FVC and FEV₁). The results of this study, shows that children often get symptoms of respiratory problems such as, frequent cough, phlegm, breathing difficulty and pain in the chest. This research should be continued as children are more sensitive and susceptible to symptoms of respiratory problems when adapting to atmospheric pollution.